

**MCA Negeri Akan Minta Kerajaan Selangor Beri Tanah Untuk Sekolah Cina Jika BN Menang**  
**Bername**  
**19 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- MCA Selangor akan meminta kerajaan negeri meluluskan lebih banyak tanah untuk pembinaan sekolah Cina di negeri itu sekiranya Barisan Nasional (BN) berjaya merampas negeri itu pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13.

Pengerusinya Datuk Donald Lim Siang Chai berkata usaha itu akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah kepadatan murid di sekolah Cina di negeri itu.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Konvensyen MCA Selangor di Wisma MCA, hari ini.

Lim, yang juga Timbalan Menteri Kewangan, turut mengumumkan bahawa kerajaan pusat telah mula mengagihkan peruntukan sejumlah RM5.28 juta kepada 31 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Selangor melalui peruntukan Bajet 2012, mulai Selasa lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=688946>